

16 hilang, 8 ditemui

Penternak dikejar lima lelaki dipercayai anggota sindiket curi lembu ketika jejak haiwan dilarikan

>>Oleh Arifin Salleh
am@hmetro.com.my

Fakta

16 ekor lembu hilang di Sepang, lapan ditemui semula di Pengkalan Balak, Melaka

ALOR GAJAH: Seorang lelaki yang kehilangan 16 lembu ternakan di Sepang, Selangor, Isnin lalu, berdepan detik cemas dikejar lima lelaki termasuk yang bersenjatakan parang dipercayai anggota sindiket curi lembu ketika cuba mengambil semula lembunya di Kampung Solok Binjai, Pengkalan Balak, dekat sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, P Kumaree, 47, ditemani beberapa rakan datang ke kampung berkenaan untuk melihat beberapa lembu dipercayai miliknya yang dicuri.

Difahamkan, 16 lembu miliknya dicuri di Sepang, sebelum lapan daripadanya ditemui di kampung itu dipercayai disorok di sebuah kandang yang dibina khas.

Menurut Kumaree, dia menyedari kehilangan 16 lembunya itu kira-kira jam 12.45 tengah malam Isnin lalu, sebelum memaklumkan kepada rakannya.

"Kira-kira jam 7.30 malam, saya mengurung 70 lembu ternakan di dalam kandang dan pulang ke rumah sambil memastikan semuanya dalam keadaan selamat dengan menutup pintu kandang.

"Bagaimanapun ketika datang ke kandang kira-kira jam 12.45 tengah malam, saya dapati jumlah lembu

berkurangan sebelum terlihat kesan tayar lori di luar kandang lembu itu," katanya.

Kumaree yang terkejut selepas menyedari lembu hilang menghubungi rakannya dan mencari di sekitar kawasan berkenaan selama beberapa hari sebelum dimaklumkan lembunya berada di Melaka.

"Kami ke lokasi yang diberitahu itu dan menemui lapan lembu, tetapi seorang lelaki mendakwa lembu berkenaan dibelinya dan mempunyai dokumen jual beli. Saya syak baki lembu yang hilang sudah dijual," katanya ketika ditemui di lokasi penemuan itu, semalam.

Difahamkan, beberapa lelaki menaiki sebuah kereta termasuk seorang yang bersenjatakan parang, tiba dan cuba menyerang mangsa serta rakan-rakannya menye-



DITEMUI...sebahagian daripada lapan ekor lembu yang ditemui semula sebelum dibawa ke Balai Polis Masjid Tanah.

babkan mereka melarikan diri dan menghubungi polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendent Umar Ali Saifuddin

Shaharuddin, berkata semua lapan lembu yang ditemui semula itu dibawa ke Balai Polis Masjid Tanah untuk siasatan.

"Selepas keterangan diam-

bil, lapan lembu itu diserahkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi semalam.